



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 71  
Bil. 14

**5hb Julai 2018**

*TAMBAHAN No. 22*  
*PERUNDANGAN*

---

---

**Pk. P.U. 41.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI MASJID  
NEGERI PERAK 2018

---

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

---

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA PEMILIHAN PEGAWAI MASJID

4. Penubuhan dan keanggotaan Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid

Peraturan

5. Fungsi Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid

**BAHAGIAN III**

**PELANTIKAN PEGAWAI MASJID**

6. Pelantikan Pegawai Masjid
7. Kelayakan Pegawai Masjid
8. Pengosongan jawatan Pegawai Masjid
9. Tempoh pelantikan

**BAHAGIAN IV**

**JAWATANKUASA TATATERTIB**

10. Penubuhan dan keanggotaan Jawatankuasa Tatatertib
11. Fungsi Jawatankuasa Tatatertib

**BAHAGIAN V**

**TATACARA MESYUARAT**

12. Pengerusi
13. Setiausaha
14. Kuorum

**BAHAGIAN VI**

**TATAKELAKUAN**

15. Arahan dan larangan
16. Larangan bagi membuat pernyataan awam
17. Larangan bagi mengambil bahagian dalam politik
18. Tidak hadir bertugas

Peraturan

## BAHAGIAN VII

### TATACARA TATATERTIB

19. Syarat bagi penamatan pelantikan
20. Jawatankuasa Tatatertib menentukan jenis pelanggaran tatatertib
21. Tatacara dalam kes tatatertib tidak dengan tujuan penamatan pelantikan
22. Tatacara dalam kes tatatertib dengan tujuan penamatan pelantikan
23. Kuasa Jawatankuasa Tatatertib
24. Tindakan tatatertib tidak boleh diambil sehingga prosiding jenayah selesai
25. Penahanan kerja

## BAHAGIAN VIII

### HUKUMAN TATATERTIB

26. Kuasa penamatan
27. Jenis hukuman tatatertib

## BAHAGIAN IX

### JAWATANKUASA RAYUAN PEGAWAI MASJID

28. Penubuhan dan keanggotaan Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid
29. Rayuan
30. Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid
31. Keputusan Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid

## BAHAGIAN X

### PELBAGAI

32. Pembatalan dan peralihan

## ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI MASJID  
NEGERI PERAK 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 111(2)(g) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*], Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Pemakaian**

2. Tertakluk kepada Bahagian VII Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelantikan dan penamatan Pegawai Masjid yang dilantik di bawah subseksyen 89(3) Enakmen.

**Tafsiran**

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*];

“Jawatankuasa Fatwa” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 35 Enakmen;

“Jawatankuasa Kariah” ertinya Jawatankuasa Kariah yang ditubuhkan di bawah peraturan 3 Peraturan-Peraturan Jawatankuasa Kariah Negeri Perak 2015 [*Pk.P.U.2/2015*];

“Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid” ertinya Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid yang ditubuhkan di bawah peraturan 4;

“Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid” ertinya Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid yang ditubuhkan di bawah peraturan 28;

“Jawatankuasa Tatatertib” ertinya Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah peraturan 10;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah subseksyen 16(1) Enakmen;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen;

“masjid” ertinya suatu bangunan—

(a) yang digunakan bagi sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, disyorkan atau dibenarkan oleh agama Islam; dan

(b) yang penggunaannya sebagai yang sedemikian dibenarkan oleh Majlis di bawah seksyen 87 Enakmen,

dan termasuklah mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen itu;

“Mufti” ertinya orang yang dilantik menjadi Mufti bagi Negeri Perak Darul Ridzuan di bawah seksyen 33 Enakmen dan termasuklah Timbalan Mufti;

“Orang Besar Jajahan” ertinya Orang Besar Jajahan yang dilantik di bawah Perkara LXXIV Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak;

“Pegawai Masjid” ertinya Imam atau Bilal sesuatu Masjid bagi maksud Peraturan-Peraturan ini;

“Pegawai Tadbir Agama” ertinya mana-mana Pegawai Agama yang dilantik bagi daerah-daerah dalam Negeri Perak Darul Ridzuan;

“Pengarah” ertinya Pengarah Jabatan Agama Islam Perak yang dilantik di bawah seksyen 16A Enakmen;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis yang disebut dalam seksyen 16 Enakmen; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis yang dilantik di bawah subseksyen 11(1) Enakmen.

## BAHAGIAN II

## JAWATANKUASA PEMILIHAN PEGAWAI MASJID

**Penubuhan dan keanggotaan Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid**

4. Majlis boleh menubuhkan suatu Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid yang terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Mufti sebagai pengerusi;
- (b) dua orang anggota Jawatankuasa Fatwa; dan
- (c) Pengarah atau wakilnya.

**Fungsi Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid**

5. Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid hendaklah mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:

- (a) untuk menemuduga, menilai dan memilih orang yang layak dan sesuai untuk dilantik sebagai Pegawai Masjid;
- (b) untuk memperakui orang yang dipilih kepada Majlis bagi maksud pelantikan Pegawai Masjid; dan
- (c) untuk menjalankan apa-apa arahan Majlis yang tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan ini.

## BAHAGIAN III

## PELANTIKAN PEGAWAI MASJID

**Pelantikan Pegawai Masjid**

6. (1) Jawatankuasa Kariah melalui Pegawai Tadbir Agama hendaklah membuat suatu syor kepada Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid mana-mana orang yang layak dan sesuai untuk dilantik sebagai Pegawai Masjid.

(2) Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid hendaklah membuat penilaian kepada orang yang disyorkan di bawah subperaturan (1) dan memperakui orang yang dipilih kepada Majlis.

(3) Majlis hendaklah memutuskan sama ada untuk—

- (a) melantik orang yang disyorkan oleh Jawatankuasa Kariah dan diperakui oleh Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid sebagai Pegawai Masjid; atau

- (b) menolak atau menggantikan mana-mana orang yang disyorkan itu sebagaimana yang difikirkan perlu.

(4) Jika Majlis menolak mana-mana orang yang disyorkan, Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid hendaklah membuat syor yang baharu bagi mana-mana orang yang layak dan sesuai untuk dilantik sebagai Pegawai Masjid.

### **Kelayakan Pegawai Masjid**

7. (1) Seseorang itu layak dilantik sebagai Pegawai Masjid jika dia—

- (a) seorang lelaki beragama Islam yang berpegang kepada Mazhab Syafie atau mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali dan berfahaman Ahli Sunah Waljamaah;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak melebihi 60 tahun;
- (c) bermastautin atau bermukim dalam kariah yang berkenaan;
- (d) mempunyai pengetahuan agama Islam yang mencukupi;
- (e) berkebolehan membaca dan menulis tulisan Jawi dan Rumi dan membaca teks bahasa Arab;
- (f) sihat dan tidak mempunyai kecacatan anggota yang boleh menjejaskan fizikal dan mental; dan
- (g) berkelakuan baik dan tidak disabitkan oleh mana-mana Mahkamah yang wibawa di Malaysia atau di mana-mana negara lain atas apa-apa kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Mana-mana orang yang memegang jawatan pengerusi Jawatankuasa Kariah tidak boleh dilantik sebagai Pegawai Masjid menurut Peraturan-Peraturan ini kecuali jika seseorang telah dilantik dan sedang memegang jawatan pengerusi Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid selepas Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa, Majlis boleh membuat apa-apa ketetapan berhubung dengan jawatannya itu.

Dengan syarat bahawa Majlis boleh, jika difikirkannya sesuai, melantik mana-mana orang menjadi Pegawai Masjid walaupun orang itu memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Kariah.

(3) Majlis boleh, setelah berpuas hati terdapat hal keadaan khas yang berhubungan dengan seseorang yang tertentu yang tidak berlawanan dengan kepentingan awam, mengecualikan kelayakan yang dinyatakan dalam perenggan (b) dan (c).

### **Pengosongan jawatan Pegawai Masjid**

8. (1) Jawatan seseorang Pegawai Masjid hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia meninggal dunia;

- (b) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajibannya;
- (c) peletakan jawatannya diterima oleh Majlis;
- (d) pelantikannya ditamatkan oleh Majlis; atau
- (e) meninggalkan kariahnya lebih daripada tiga bulan berturut-turut tanpa kebenaran Jawatankuasa Kariah.

(2) Seseorang Pegawai Masjid boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan satu bulan notis bertulis kepada Setiausaha.

(3) Bagi maksud pengosongan jawatan yang disebabkan oleh subperaturan (1), Jawatankuasa Kariah hendaklah, setelah berunding dengan Pegawai Tadbir Agama, mengemukakan calon pengganti kepada Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid.

### **Tempoh pelantikan**

9. (1) Mana-mana Pegawai Masjid hendaklah memegang jawatan bagi tempoh tiga tahun dan boleh dilantik semula atas syor Pegawai Tadbir Agama, jika difikirkan layak oleh Majlis.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Majlis boleh, pada bila-bila masa, menamatkan pelantikan tersebut dengan memberikan notis bertulis.

## **BAHAGIAN IV**

### **JAWATANKUASA TATATERTIB**

#### **Penubuhan dan keanggotaan Jawatankuasa Tatatertib**

10. Majlis boleh menubuhkan suatu Jawatankuasa Tatatertib yang hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengarah sebagai pengerusi;
- (b) seorang anggota Majlis yang dinamakan oleh Yang Dipertua; dan
- (c) Orang Besar Jajahan bagi daerah berkenaan.

#### **Fungsi Jawatankuasa Tatatertib**

11. Jawatankuasa Tatatertib bertanggungjawab dalam menentukan jenis kesalahan yang dilakukan atau apa-apa perbuatan yang disifatkan melanggar mana-mana peraturan yang telah ditetapkan di bawah Bahagian VI Peraturan-Peraturan ini.



## BAHAGIAN V

## TATACARA MESYUARAT

**Pengerusi**

12. Pengerusi bagi Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid dan pengerusi Jawatankuasa Tatatertib boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan setiausaha jawatankuasa untuk memanggil mesyuarat.

**Setiausaha**

13. (1) Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, hendaklah menjadi setiausaha jawatankuasa melainkan Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid.

(2) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh pengerusi kepadanya, setiausaha jawatankuasa hendaklah bertanggungjawab ke atas semua surat-menyurat termasuk apa-apa dokumen mesyuarat jawatankuasa dan hendaklah dalam apa-apa hal lain menjalankan kewajipan yang dikenakan ke atasnya oleh Peraturan-Peraturan ini atau yang diberikan kepadanya oleh pengerusi.

(3) Setiausaha berhak menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya, tetapi tidak berhak mengundi.

**Kuorum**

14. Kuorum bagi mesyuarat jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada tiga orang termasuk pengerusi.

## BAHAGIAN VI

## TATAKELAKUAN

**Arahan dan larangan**

15. (1) Mana-mana Pegawai Masjid hendaklah mematuhi apa-apa arahan Majlis yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

(2) Mana-mana Pegawai Masjid tidak boleh—

- (a) membelakangkan kewajipan awam demi kepentingan peribadinya;
- (b) mengabaikan kewajipannya sebagaimana yang ditetapkan dalam tauliah atau senarai tugas;

- (c) berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga menjejaskan nama Majlis atau menghilangkan kepercayaan terhadap pelantikannya;
- (d) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong kehendaknya;
- (e) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai telah ingkar perintah;
- (f) tidak hadir bertugas di masjid pada masa yang ditetapkan;
- (g) menyampaikan apa-apa khutbah selain daripada khutbah yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Perak atau disahkan oleh Jabatan Mufti Negeri Perak; atau
- (h) memberi kebenaran atau menjemput mana-mana orang selain daripada Imam yang dilantik oleh Majlis untuk menyampaikan khutbah tanpa kebenaran bertulis daripada Setiausaha.

#### **Larangan bagi membuat pernyataan awam**

**16.** Mana-mana Pegawai Masjid tidak boleh, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, membuat apa-apa pernyataan awam yang memudaratkan apa-apa dasar Majlis, mencemarkan nama Majlis atau memberikan suatu pandangan yang berat sebelah tentang apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik.

#### **Larangan bagi mengambil bahagian dalam politik**

**17. (1)** Mana-mana Pegawai Masjid tidak boleh mengadakan apa-apa aktiviti politik di dalam kawasan masjid.

(2) Mana-mana Pegawai Masjid tidak boleh—

- (a) menerbitkan atau mengedarkan apa-apa bahan yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan mana-mana parti politik;
- (b) terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon dalam suatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri atau apa-apa pemilihan untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau
- (c) bertindak sebagai ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atau atas apa-apa sifat untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri.

**Tidak hadir bertugas**

18. (1) Ketidakhadiran untuk bertugas oleh seseorang Pegawai Masjid tanpa cuti dan melebihi tempoh yang dibenarkan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Jabatan Agama Islam Perak atau tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan dia dikenakan tindakan tatatertib.

(2) Jawatankuasa Kariah hendaklah, seberapa segera yang boleh, melaporkan ketidakhadiran Pegawai Masjid itu berserta butiran lengkap hal keadaan ketidakhadirannya kepada Pegawai Tadbir Agama.

(3) Pegawai Tadbir Agama hendaklah menyiasat dan mengeluarkan suatu amaran bertulis kepada Pegawai Masjid berkenaan dan meminta memberikan representasi bertulis dalam masa empat belas hari.

(4) Jika mana-mana Pegawai Masjid itu masih tidak menjalankan tugas atau alasan yang diberikan tidak memuaskan hati Pegawai Tadbir Agama, suatu laporan mengenai tindakan yang telah diambil terhadap Pegawai Masjid tersebut bersama dengan pengesyoran hendaklah dibuat kepada Pengarah.

(5) Pengarah boleh, setelah menimbangkan laporan Pegawai Tadbir Agama di bawah subperaturan (4), membuat syor kepada Majlis untuk memulakan tindakan tatatertib ke atas Pegawai Masjid.

**BAHAGIAN VII****TATACARA TATATERTIB****Syarat bagi penamatan pelantikan**

19. Tiada mana-mana Pegawai Masjid boleh ditamatkan pelantikan melainkan ianya telah diberitahu secara bertulis mengenai alasan atas mana-mana tindakan dicadangkan hendak diambil terhadapnya dan Pegawai Masjid itu telah diberi peluang yang munasabah untuk didengar.

**Jawatankuasa Tatatertib menentukan jenis pelanggaran tatatertib**

20. Jika seseorang Pegawai Masjid itu dikatakan telah melakukan sesuatu kesalahan tatatertib, Jawatankuasa Tatatertib, sebelum memulakan apa-apa prosiding tatatertib berkenaan dengan Pegawai Masjid itu, boleh menimbangkan dan menentukan sama ada kesalahan tatatertib yang diadakan adalah daripada jenis yang patut dikenakan hukuman penamatan pelantikan atau hukuman yang lebih ringan.

**Tatacara dalam kes tatatertib tidak dengan tujuan penamatan pelantikan**

21. (1) Jika Jawatankuasa Tatatertib menentukan bahawa kesalahan tatatertib yang dilakukan oleh seorang Pegawai Masjid adalah daripada jenis kesalahan yang patut dikenakan suatu hukuman yang lebih ringan, Jawatankuasa Tatatertib, setelah berpuas hati bahawa wujud suatu kesalahan tatatertib, hendaklah memaklumkan kepada Pegawai Masjid itu melalui notis mengenai fakta kesalahan tatatertib yang telah dilakukan olehnya dan hendaklah memberi Pegawai Masjid itu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh dia dimaklumkan mengenai fakta itu.

(2) Jika Jawatankuasa Tatatertib berpendapat bahawa representasi Pegawai Masjid itu menghendaki penjelasan lanjut, Jawatankuasa Tatatertib boleh menghendaki Pegawai Masjid itu supaya memberikan penjelasan lanjut dalam suatu tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tatatertib itu.

(3) Jika Jawatankuasa Tatatertib, setelah menimbangkan representasi dan penjelasan lanjut Pegawai Masjid itu—

- (a) mendapati Pegawai Masjid itu bersalah atas kesalahan tatatertib yang telah dilakukan olehnya, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan ke atas Pegawai Masjid itu mana-mana satu atau lebih hukuman selain ditamatkan pelantikannya sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan 27(1) sebagaimana yang difikirkannya sesuai; atau
- (b) mendapati bahawa Pegawai Masjid itu tidak bersalah, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah membebaskannya.

**Tatacara dalam kes tatatertib dengan tujuan penamatan pelantikan**

22. (1) Jika Jawatankuasa Tatatertib menentukan bahawa kesalahan tatatertib yang dilakukan oleh seorang Pegawai Masjid adalah daripada jenis kesalahan yang patut dikenakan hukuman ditamatkan pelantikan, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menimbangkan segala maklumat yang ada.

(2) Jika didapati oleh Jawatankuasa Tatatertib bahawa wujud suatu kes *prima facie* terhadap Pegawai Masjid itu, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah—

- (a) mengarahkan supaya suatu pertuduhan yang mengandungi fakta kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan oleh Pegawai Masjid itu dan alasan-alasan yang Pegawai Masjid berkenaan dicadangkan supaya ditamatkan pelantikan dihantar melalui notis kepada Pegawai Masjid itu; dan

- (b) memanggil Pegawai Masjid itu membuat, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh dia menerima pertuduhan itu melalui notis, suatu representasi bertulis yang mengandungi alasan-alasan yang padanya dia bergantung untuk melepaskan dirinya.

(3) Jika, setelah menimbangkan representasi bertulis yang dibuat, Jawatankuasa Tatatertib mendapati bahawa kesalahan tatatertib yang dilakukan oleh Pegawai Masjid itu tidak mewajarkan hukuman ditamatkan pelantikan, Jawatankuasa Tatatertib boleh mengenakan ke atas Pegawai Masjid itu apa-apa hukuman yang lebih ringan yang dinyatakan dalam subperaturan 27(1) sebagaimana yang difikirkan sesuai.

(4) Jika Pegawai Masjid berkenaan tidak membuat apa-apa representasi bertulis di dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (2)(b), atau jika Pegawai Masjid itu telah membuat representasi sedemikian tetapi representasi bertulis itu tidak dapat membersihkan dirinya sehingga memuaskan hati Jawatankuasa Tatatertib, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah terus menimbangkan dan membuat keputusan tentang penamatan pelantikan Pegawai Masjid itu.

### **Kuasa Jawatankuasa Tatatertib**

**23.** Jika, setelah menimbangkan laporan representasi Pegawai Masjid, jika ada, Jawatankuasa Tatatertib mendapati Pegawai Masjid itu—

- (a) bersalah atas kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan olehnya dan pelantikan Pegawai Masjid itu patut ditamatkan, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan hukuman menamatkan pelantikan, sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu;
- (b) bersalah atas kesalahan tatatertib yang dikatakan telah dilakukan olehnya tetapi, setelah mengambil kira dalam pertimbangan hal keadaan dalam mana kesalahan tatatertib itu telah dilakukan dan faktor peringanan yang lain, kesalahan itu tidak mewajarkan hukuman menamatkan pelantikan, tetapi mewajarkan pengenaan suatu hukuman yang lebih ringan, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah mengenakan ke atas Pegawai Masjid itu mana-mana satu atau lebih hukuman selain ditamatkan pelantikan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperaturan 27(1) sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib itu; atau
- (c) tidak bersalah, Jawatankuasa Tatatertib itu hendaklah membebaskannya.

### **Tindakan tatatertib tidak boleh diambil hingga prosiding jenayah selesai**

**24.** Jika prosiding jenayah telah dimulakan terhadap mana-mana Pegawai Masjid dan belum selesai, tiada apa-apa tindakan tatatertib boleh diambil terhadap Pegawai Masjid itu berasaskan alasan yang sama dengan pertuduhan jenayah

dalam prosiding jenayah itu, tetapi tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menghalang tindakan tatatertib diambil terhadap Pegawai Masjid sementara menunggu penyelesaian prosiding jenayah itu diasaskan pada apa-apa alasan lain yang berbangkit dari kelakuannya dalam pelaksanaan tugasnya.

### **Penahanan kerja**

25. (1) Walau apa pun kehendak peraturan 20, Jawatankuasa Tatatertib boleh menahan seseorang Pegawai Masjid daripada menjalankan tugas serta menerima imbuhan jika—

- (a) jenis kesalahan yang dipertuduh itu adalah secara langsung berhubung dengan tugasnya;
- (b) kehadirannya akan menggendalakan penyiasatan; atau
- (c) kehadirannya boleh memalukan atau menjejaskan imej Majlis, jika dibenarkan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya yang biasa.

(2) Mana-mana Pegawai Masjid yang ditahan daripada menjalankan tugas, kemudian bertugas semula atas budi bicara Jawatankuasa Tatatertib, hendaklah dibenarkan menerima bahagian imbuhan yang tidak dibayar semasa dia ditahan kerja.

(3) Mana-mana Pegawai Masjid yang ditamatkan pelantikan adalah tidak berhak kepada apa-apa imbuhan yang telah tidak dibayar kepadanya dalam tempoh penahanan kerjanya.

## BAHAGIAN VIII

### HUKUMAN TATATERTIB

#### **Kuasa penamatan**

26. Jika mana-mana Pegawai Masjid, setelah diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib untuk ditamatkan pelantikannya, Majlis boleh menamatkan pelantikan Pegawai Masjid tersebut.

#### **Jenis hukuman tatatertib**

27. (1) Jika seseorang Pegawai Masjid didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib, mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman yang

berikut bergantung kepada keseriusan kesalahan itu, boleh dikenakan ke atas Pegawai Masjid:

- (a) amaran;
- (b) lucut kesemua atau sebahagian imbuhan; atau
- (c) ditamatkan pelantikan.

(2) Pengarah hendaklah mengarahkan supaya tiap-tiap tindakan tatatertib yang diambil terhadap Pegawai Masjid yang berkeputusan dengan suatu hukuman dikenakan ke atas Pegawai Masjid itu di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dicatatkan dalam rekod perkhidmatan Pegawai Masjid itu dengan menyatakan butir-butir kesalahan yang telah dilakukan dan hukuman yang telah dikenakan.

## BAHAGIAN IX

### JAWATANKUASA RAYUAN PEGAWAI MASJID

#### **Penubuhan dan keanggotaan Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid**

**28.** (1) Majlis boleh menubuhkan suatu Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid bagi mendengar apa-apa rayuan terhadap sesuatu keputusan Jawatankuasa yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid yang ditubuhkan di bawah subperaturan (1) hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Mufti sebagai pengerusi;
- (b) tiga orang lain yang dilantik oleh Majlis; dan
- (c) Ketua Pegawai Eksekutif sebagai setiausaha.

#### **Rayuan**

**29.** (1) Mana-mana Pegawai Masjid yang terkilang dengan mana-mana keputusan Jawatankuasa yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini terhadapnya, boleh merayu secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid melalui setiausaha dalam tempoh empat belas hari dari tarikh dia dimaklumkan tentang keputusan itu.

(2) Setiausaha Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh dia menerima rayuan itu, menyediakan rekod prosiding Jawatankuasa Tatatertib berserta alasan keputusannya.

(3) Pengerusi hendaklah, dalam tempoh empat belas hari selepas menerima rekod prosiding Jawatankuasa Tatatertib, mengadakan suatu mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid untuk menimbangkan rayuan itu.

(4) Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid boleh melanjutkan tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (1), (2) dan (3) atas permohonan pihak-pihak yang berkenaan dan apabila sebab-sebab yang mencukupi diberikan.

(5) Walau apa pun subperaturan (4), Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid hendaklah memutuskan rayuan itu dalam masa enam puluh hari dari tarikh rayuan diterima.

### **Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid**

**30.** (1) Bagi maksud melaksanakan fungsinya, Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid hendaklah bermesyuarat pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh pengerusi Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid.

(2) Setiap mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid hendaklah dihadiri oleh semua anggota Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid.

(3) Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid hendaklah memutuskan tiap-tiap rayuan semata-mata berdasarkan merit alasan rayuan itu tanpa menerima apa-apa pernyataan lanjut atau keterangan tambahan.

(4) Walau apa pun subperaturan (3), Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid boleh, jika difikirkan adil dan perlu, dan tertakluk kepada hak Pegawai Masjid itu untuk didengar, meminta apa-apa pernyataan lanjut atau keterangan tambahan daripada mana-mana orang lain.

### **Keputusan Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid**

**31.** (1) Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid boleh—

- (a) mengesahkan keputusan Jawatankuasa Tatatertib;
- (b) mengesahkan keputusan Jawatankuasa Tatatertib berhubung dengan salah laku Pegawai Masjid itu tetapi mengubah hukuman; atau
- (c) mengakaskan keputusan dan hukuman Jawatankuasa Tatatertib dan membebaskan Pegawai Masjid itu daripada pertuduhan terhadapnya.

(2) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Pegawai Masjid.

(3) Keputusan Jawatankuasa Rayuan Pegawai Masjid adalah muktamad.



## BAHAGIAN X

## PELBAGAI

**Pembatalan dan peralihan**

32. (1) Apabila berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini, mana-mana Pegawai Masjid yang dilantik di bawah Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid 1998 [*Pk.P.U.3/1999*], hendaklah disifatkan sebagai telah dilantik sewajarnya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid 1998 [*Pk.P.U.3/1999*] adalah terbatal dan terhenti terpakai bagi Negeri Perak Darul Ridzuan pada permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat 28 Jun 2018  
[MAIP. (BP) A603/535/37 JLD. 2;  
PU.Pk. 8/2016]

Menjunjung Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia,

TAN SRI DATO' SERI DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM (PERAK)  
ENACTMENT 2004

*PEGAWAI MASJID* OF THE STATE OF  
PERAK REGULATIONS 2018

---

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

---

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

SELECTION OF *PEGAWAI MASJID* COMMITTEE

4. Establishment and membership of Selection of *Pegawai Masjid* Committee
5. Functions of Selection of *Pegawai Masjid* Committee

PART III

APPOINTMENT OF *PEGAWAI MASJID*

6. Appointment of *Pegawai Masjid*
7. Qualification of *Pegawai Masjid*
8. Vacation of office of *Pegawai Masjid*
9. Duration of appointment

PART IV

DISCIPLINARY COMMITTEE

10. Establishment and membership of Disciplinary Committee
11. Functions of Disciplinary Committee

## Regulation

## PART V

## MEETING PROCEDURES

12. Chairman
13. Secretary
14. Quorum

## PART VI

## CODE OF CONDUCT

15. Direction and prohibition
16. Prohibition for making public statements
17. Prohibition for taking part in politics
18. Absence from duty

## PART VII

## DISCIPLINARY PROCEDURES

19. Conditions for termination of appointment
20. Disciplinary Committee to determine nature of breach of discipline
21. Procedure in disciplinary cases not with a view to termination of appointment
22. Procedure in disciplinary cases with a view to termination of appointment
23. Powers of Disciplinary Committee
24. Disciplinary action shall not be taken until criminal proceeding are completed
25. Interdiction

Regulation

PART VIII

DISCIPLINARY PUNISHMENTS

26. Power of termination
27. Types of disciplinary punishment

PART IX

*PEGAWAI MASJID* APPEAL COMMITTEE

28. Establishment and membership of *Pegawai Masjid* Appeal Committee
29. Appeal
30. Meeting of *Pegawai Masjid* Appeal Committee
